

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan purata emolumen yang dibayar kepada penjawat awam mengikut pecahan gred jawatan, badan perkhidmatan awam (contohnya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) dari tahun 2000 hingga 2014 secara terperinci.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata emolumen yang dibayar kepada penjawat awam mengikut pecahan gred jawatan dan badan perkhidmatan awam adalah seperti pada Lampiran A yang bermula dari tahun 2006 hingga 2014. Sistem yang ada sekarang hanya menyimpan

data gaji bermula dari tahun 2006 hingga terkini.

Data jawatan Hakim dibuat pengasingan khusus dalam sistem gaji bermula tahun 2014 menyebabkan tiada rekod di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dari tahun 2006 hingga 2013.